

No. Rujukan : UTeM.02.05.03/100-3/2/1(6)



**UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

---

**PEKELILING PENTADBIRAN  
BILANGAN 6 TAHUN 2011**

---

**PEMAKLUMAN PELANTIKAN DAN PENAMATAN  
PENTADBIR-PENTADBIR AKADEMIK  
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA  
(UTeM)**

Pejabat Pendaftar  
**25 Februari 2011**

Disalinkan kepada:

Naib Canselor  
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)  
Pegawai-Pegawai Kanan  
YDP Majlis Perwakilan Pelajar

# UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

UTeM.02.05.03/100-3/2/1(6)

25 FEBRUARI 2011

## PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 6/2011

### **PEMAKLUMAN PELANTIKAN DAN PENAMATAN PENTADBIR-PENTADBIR AKADEMIK UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA (UTeM)**

Pekeliling Pentadbiran ini bertujuan untuk memaklumkan kepada pengetahuan semua staf dan pelajar Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) bahawa menurut kuasa yang diperuntukkan di bawah Seksyen 22(4) Perlembagaan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), Y.Bhg Prof. Datuk Naib Canselor telah bersetuju berhubung pelantikan dan penamatan Pentadbir Akademik seperti berikut :

- i. Pelantikan Dr. Md Nizam bin Abd Rahman sebagai Timbalan Dekan (Akademik) di Fakulti Kejuruteraan Pembuatan untuk tempoh satu (1) tahun berkuat kuasa mulai 1 Mac 2011 hingga 29 Februari 2012. Pelantikan ini adalah bagi menggantikan Encik Nor Akramin bin Mohamad yang telah tamat tempoh pelantikan berkuat kuasa dari tarikh yang sama.**
- ii. Pelantikan semula Dr. Mohd Warikh bin Abd Rashid sebagai Timbalan Dekan (Penyelidikan & Pengajian Siswazah) di Fakulti Kejuruteraan Pembuatan untuk tempoh satu (1) tahun berkuat kuasa mulai 1 Mac 2011 hingga 29 Februari 2012.**
- iii. Pelantikan Engr. Zolkarnain bin Marjom sebagai Ketua Jabatan (Pengajian Diploma) di Fakulti Kejuruteraan Pembuatan untuk tempoh satu (1) tahun berkuat kuasa mulai 1 Mac 2011 hingga 29 Februari 2012. Pelantikan ini adalah bagi menggantikan Encik Abdul Rahim Samsudin yang telah tamat tempoh pelantikan berkuat kuasa dari tarikh yang sama.**
- iv. Pelantikan Dr. Nur Izan Syahriah binti Hussein sebagai Ketua Jabatan (Proses Pembuatan) di Fakulti Kejuruteraan Pembuatan untuk tempoh satu (1) tahun berkuat kuasa mulai 1 Mac 2011 hingga 29 Februari 2012. Pelantikan ini adalah bagi menggantikan Dr. Ahmad Kamely bin Mohamad yang telah tamat tempoh pelantikan berkuat kuasa dari tarikh yang sama.**

- v. **Pelantikan semula Dr. Zamberi bin Jamaludin sebagai Ketua Jabatan (Robotik & Automasi) di Fakulti Kejuruteraan Pembuatan untuk tempoh satu (1) tahun berkuat kuasa mulai 1 Mac 2011 hingga 29 Februari 2012.**

2.0 Sehubungan dengan pelantikan ini, seluruh warga Universiti diharap dapat memberikan sokongan dan kerjasama kepada Pentadbir-Pentadbir Akademik tersebut untuk membolehkan mereka melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan lebih cekap dan berkesan.

3.0 Pihak Universiti juga ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada Pentadbir-Pentadbir Akademik yang telah tamat tempoh pelantikan mereka di atas sumbangan dan idea yang telah dicurahkan selama tempoh perkhidmatan yang telah dijalankan.

Sekian, terima kasih.

**“KOMPETENSI TERAS KEGEMILANGAN”**

Saya yang menurut perintah



**HASAN BIN SIRUN**

Pendaftar

*/ukp*